

PROSEDUR STANDARD

NO. PROSEDUR: KMT-US-OGC-0004

SEMAKAN: 02 HALAMAN: 1 daripada 10

SUBJEK/TAJUK: **PROSEDUR ANTI RASUAH DAN ANTI SOGOKAN GLOBAL KENNAMETAL INC.**

Notis: Maklumat yang terkandung di dalam ini adalah hak milik Kennametal Inc. dan/atau anak syarikat Kennametal Inc. dan mungkin mengandungi maklumat bermilik atau rahsia perdagangan dan hak harta intelektual. Maklumat ini telah diserahkan kepada anda secara sulit untuk kegunaan dalaman Kennametal bagi tujuan tertentu dan hanya boleh digunakan untuk tujuan tersebut. Penghasilan semula, pengedaran dan penggunaan prosedur ini, secara keseluruhan atau sebahagian daripadanya, serta sebarang penyampaian mana-mana kandungannya kepada mana-mana orang perseorangan yang tidak berkenaan adalah dilarang. Hak cipta terpelihara.

Halaman ini merekodkan semua semakan Prosedur atau Arahan Kerja.

Untuk kemudahan, sifat semakan dicatatkan dengan ringkas di bawah komen. Sila semak prosedur yang dilampirkan bagi memastikan pemahaman menyeluruh mengenai perubahan, tambahan atau pemadaman yang berkaitan. Melainkan dinyatakan sebaliknya, semakan ini harus dilaksanakan apabila diterima.

SEMAKAN	OLEH	HALAMAN	KOMEN
00 01	DWG PJW	1-10 1-11	Keluaran Asal. Semakan
SEMAKAN	DIKELUARKAN OLEH	DILULUSKAN OLEH	TARIKH KELULUSAN
00	Roxanne Turner	David W. Greenfield	08/01/2007
01	Paul J. Ward	Kevin G. Nowe	11/01/2013

Versi elektronik Prosedur ini adalah dokumen terkawal.
Sebarang salinan bercetak dokumen ini adalah untuk RUJUKAN SAHAJA.

PROSEDUR STANDARD

NO. PROSEDUR: KMT-US-OGC-0004

SEMAKAN: 02 HALAMAN: 2 daripada 10

SUBJEK/TAJUK:

KENNAMETAL INC. PROSEDUR ANTI RASUAH DAN ANTI SOGOKAN GLOBAL

PROSEDUR ANTI RASUAH DAN ANTI SOGOKAN GLOBAL

I. SKOP

Prosedur Anti Rasuah dan Anti Sogokan Global (“Prosedur”) menyediakan garis panduan dan jangkaan untuk semua pengarah, pegawai dan kakitangan Kennametal Inc., anak syarikat dan syarikat gabungannya (“Syarikat” atau “Kennametal”) dan ejen, wakil jualan, perunding, pengedar, kontraktor dan semua pihak ketiga lain yang mewakili Kennametal atas dasar global, tanpa sebarang pengecualian (“Pihak Ketiga”).

II. PENGENALAN

A. Komitmen terhadap Pematuhan dan Tanggungjawab Kakitangan.

Syarikat mengamalkan pematuhan terhadap semua undang-undang, peraturan dan pengawalan di semua negara tempat Syarikat beroperasi. Semua pengarah, pegawai, kakitangan dan Pihak Ketiga bertanggungjawab secara peribadi untuk membiasakan diri dengan piawaian, pengedaran dan tanggungjawab undang-undang yang berkaitan dengan mereka dan untuk berkelakuan sewajarnya. Kennametal, pegawainya, pengarahnya dan kakitangannya mahupun Pihak Ketiganya tidak akan menggunakan sogokan, bayaran tidak wajar atau apa jua jenis pendorong untuk mendapatkan atau mengekalkan perniagaan, atau untuk memperoleh kelebihan perniagaan yang tidak adil.

Setiap pengarah, pegawai dan kakitangan Kennametal serta semua Pihak Ketiga dikehendaki membaca, memahami dan mematuhi Prosedur ini dan menghubungi Pejabat Penasihat Am kena pada masanya untuk menyelesaikan sebarang soalan dan kebimbangan berkenaan dengan tindakan yang disyorkan **sebelum meneruskan sebarang transaksi yang meragukan.**

B. Undang-undang Anti Rasuah Global/Tumpuan kepada FCPA.

Undang-undang anti rasuah global melarang penglibatan dalam sebarang bentuk sogokan. Undang-undang di sesetengah negara menumpukan secara khusus kepada sogokan pegawai kerajaan (kadang-kala dikenali sebagai “pegawai asing” atau pegawai awam”), manakala undang-undang lain melarang kedua-duanya, sogokan pegawai

Versi elektronik Prosedur ini adalah dokumen terkawal.
Sebarang salinan bercetak dokumen ini adalah untuk RUJUKAN SAHAJA.

PROSEDUR STANDARD

NO. PROSEDUR: KMT-US-OGC-0004

SEMAKAN: 02 HALAMAN: 3 daripada 10

KENNAMETAL INC. PROSEDUR ANTI RASUAH DAN ANTI SOGOKAN GLOBAL

SUBJEK/TAJUK:

kerajaan dan sogokan perdagangan (iaitu sogokan “pegawai swasta” dalam organisasi bukan kerajaan). Undang-undang anti rasuah turut menghendaki syarikat menyimpan buku, rekod dan akaun dalam perincian munasabah, yang menggambarkan transaksi luar dan dalam negara dengan tepat dan wajar.

Sebagai sebuah syarikat yang berpangkalan di Amerika Syarikat (“A.S.”) dengan operasi perniagaan di United Kingdom (“UK”), Kod Etika dan Tatakelakuan Perniagaan Syarikat merangkumi komitmen untuk mematuhi piawaian tatakelakuan yang dinyatakan dalam Akta Amalan Rasuah Asing A.S. 1977 (“FCPA”), Akta Sogokan UK 2010 (“Akta Sogokan UK”) dan undang-undang yang berkaitan, serta undang-undang tempatan berkenaan anti rasuah, mata wang dan undang-undang lain di semua negara tempat Syarikat beroperasi (secara bersesama, “Undang-undang Anti Rasuah Global”). Prosedur ini menumpukan secara khusus kepada syarat-syarat FCPA dan hanya menyediakan rujukan am kepada undang-undang anti rasuah negara lain di mana Kennametal beroperasi dan tempat kakitangan, pegawai, pengarah dan Pihak Ketiga tinggal dan bekerja. Walaupun semua individu turut tertakluk kepada larangan yang dinyatakan dalam undang-undang anti rasuah di negara masing-masing di mana mereka tinggal dan bekerja, undang-undang sedemikian mungkin tidak dilaksanakan secara menyeluruh kepada semua kakitangan dengan cara yang sama seperti FCPA dan Akta Sogokan UK.

Kepentingan mematuhi Undang-undang Anti Rasuah Global ditekankan di negara-negara di mana risiko sogokan dan rasuah adalah tinggi. Senarai tersebut merangkumi negara-negara yang (i) pegawai kerajaan dan sektor awamnya sering terlibat dalam aktiviti perdagangan dan kewangan, (ii) masalah rasuah dan yang berkaitan dengannya adalah biasa, dan (iii) piawaian undang-undang dan dasar penguatkuasaan sedang dibangunkan tetapi sering tidak jelas dan tidak dilaksanakan dengan tekal. Dalam keadaan sedemikian, kewaspadaan khusus adalah penting bagi memastikan pematuhan terhadap Undang-undang Anti Rasuah Global.

III. PENGEHADAN TERHADAP PAMPASAN DAN ADAB PERNIAGAAN

A. Larangan Am terhadap Usaha Mempengaruhi Keputusan Perniagaan.

1. Bayaran atau “Sesuatu yang Bernilai”: Kecuali dinyatakan sebaliknya dalam Prosedur, **tiada tawaran, bayaran, janji untuk membayar atau kebenaran untuk membayar sebarang wang, memberi hadiah atau sesuatu yang bernilai boleh dibuat oleh atau bagi pihak Syarikat kepada mana-mana kakitangan, ejen,**

Versi elektronik Prosedur ini adalah dokumen terkawal.
Sebarang salinan bercetak dokumen ini adalah untuk RUJUKAN SAHAJA.

PROSEDUR STANDARD

NO. PROSEDUR: KMT-US-OGC-0004

SEMAKAN: 02 HALAMAN: 4 daripada 10

KENNAMETAL INC. PROSEDUR ANTI RASUAH DAN ANTI SOGOKAN GLOBAL

SUBJEK/TAJUK:

wakil atau pegawai mana-mana organisasi sama ada syarikat swasta, syarikat milik kerajaan (walaupun tidak dimiliki sepenuhnya), parti politik atau mana-mana entiti, organisasi atau orang perseorangan yang lain. Walaupun Prosedur ini secara amnya melarang pemberian sesuatu yang bernilai kepada wakil organisasi swasta dan kerajaan untuk mempengaruhi keputusan perniagaan, FCPA dan undang-undang di banyak negara menyemak dengan lebih teliti bayaran atau usaha untuk memberikan sesuatu yang bernilai kepada pegawai kerajaan.

Tindakan berikut dilarang apabila berurusan dengan pegawai syarikat swasta dan entiti kerajaan:

- (i) Mempengaruhi sebarang tindakan atau keputusan orang, atau pihak sedemikian dalam keupayaan rasminya;
- (ii) Mendorong orang atau pihak sedemikian untuk melakukan atau mengabaikan sebarang tindakan yang melanggar tanggungjawab undang-undang orang atau pihak tersebut; atau
- (iii) Mendorong orang atau pihak sedemikian mempengaruhi pegawai atau organisasi luar untuk menjejaskan atau mempengaruhi sebarang tindakan atau keputusan kerajaan atau organisasi sedemikian.

“Pegawai kerajaan” ialah pegawai atau kakitangan kerajaan asing (kerajaan di luar A.S.) atau mana-mana jabatan atau agensinya, atau organisasi antarabangsa awam, atau mana-mana orang yang bertindak dalam keupayaan rasmi untuk atau bagi pihak salah satu daripadanya. Contohnya, kakitangan perusahaan milik negara atau sektor awam boleh menjadi “pegawai kerajaan” bagi tujuan Undang-undang Anti Rasuah Global.

2. Tahap Pengetahuan yang Diperlukan untuk Pelanggaran: Pengetahuan sebenar tentang pelanggaran tidak diperlukan untuk melanggar Undang-undang Anti Rasuah Global. Jika seseorang itu mengetahui atau mempunyai sebab untuk mengetahui bahawa tindakan yang menyalahi undang-undang akan berlaku, mungkin terdapat pelanggaran satu atau lebih Undang-undang Anti Rasuah Global. Pengelakan pengetahuan yang disengajakan, membelakangi dengan sengaja atau sengaja tidak mengendahkan pengetahuan sedemikian boleh mengakibatkan Syarikat dan juga individu tersebut dianggap sebagai mengetahui tentang transaksi yang menyalahi undang-undang itu.

Versi elektronik Prosedur ini adalah dokumen terkawal.
Sebarang salinan bercetak dokumen ini adalah untuk RUJUKAN SAHAJA.

PROSEDUR STANDARD

NO. PROSEDUR: KMT-US-OGC-0004

SEMAKAN: 02 HALAMAN: 5 daripada 10

KENNAMETAL INC. PROSEDUR ANTI RASUAH DAN ANTI SOGOKAN GLOBAL

SUBJEK/TAJUK:

B. Bayaran Pemudahan.

“Bayaran pemudahan” (**juga dikenali sebagai “bayaran pelancaran”**) ialah bayaran kecil kepada pegawai atau kerani kerajaan, yang dibuat khusus untuk tujuan mempercepatkan atau memastikan pelaksanaan fungsi bukan budi bicara yang rutin kerajaan. Bayaran pemudahan menyalahi undang-undang di bawah sesetengah undang-undang anti rasuah dan **oleh itu, Kennametal melarang semua bayaran pemudahan, kecuali dalam keadaan terhad yang disenaraikan dalam dokumen ini.** Beberapa contoh keadaan bayaran pemudahan biasa dibuat untuk mempercepatkan fungsi, tetapi dilarang termasuk: (i) mendapatkan permit atau visa perjalanan; (ii) menyambungkan perkhidmatan elektrik atau telefon; dan (iii) mendapatkan perlindungan polis.

Satu-satunya **pengecualian** kepada larangan bayaran pemudahan ialah sekiranya berlaku kecemasan peribadi, yang secara langsung mengancam kesihatan, keselamatan dan ketenteraman kakitangan atau wakil Syarikat yang lain atau ahli keluarga mereka. Dalam keadaan sedemikian, bayaran dan sebab membuat bayaran tersebut mesti dilaporkan secepat yang mungkin kepada penyelia kakitangan tersebut atau kepada penyelia wakil Syarikat dan kepada Pejabat Penasihat Am. Di bawah peruntukan perakaunan FCPA, bayaran pemudahan mesti direkodkan dengan betul dalam buku dan rekod Syarikat untuk memastikan pematuhan terhadap undang-undang.

C. Hadiah dan Layanan Baik.

Kennametal tidak menggalakkan pemberian hadiah dan layanan baik, seperti bayaran perbelanjaan hotel, pengangkutan, makanan dan hiburan (“Layanan Baik”), kepada pegawai kerajaan dan juga syarikat swasta. Walau bagaimanapun, di bawah keadaan terhad, Layanan Baik dan hadiah kecil tertentu boleh disediakan. Semua Layanan Baik dan hadiah kecil mesti:

- Berkaitan secara langsung dengan perniagaan Syarikat;
- Jumlah diberikan adalah munasabah dan diberikan atas niat yang baik;

Versi elektronik Prosedur ini adalah dokumen terkawal.
Sebarang salinan bercetak dokumen ini adalah untuk RUJUKAN SAHAJA.

PROSEDUR STANDARD

NO. PROSEDUR: KMT-US-OGC-0004

SEMAKAN: 02 HALAMAN: 6 daripada 10

KENNAMETAL INC. PROSEDUR ANTI RASUAH DAN ANTI SOGOKAN GLOBAL

SUBJEK/TAJUK:

- Ditawarkan hanya berkaitan dengan promosi, tunjuk cara atau penerangan produk atau perkhidmatan Syarikat atau pelaksanaan atau prestasi kontrak dengan kerajaan asing atau agensinya;
- Dibenarkan di bawah undang-undang tempatan di negara yang berkenaan; dan
- Tidak kerap dan dipantau dengan berhati-hati kerana kesan Layanan Baik dan hadiah kecil yang terkumpul boleh menimbulkan tanggapan tatakelakuan yang tidak wajar.

Layanan Baik dan hadiah kecil mesti mematuhi garis panduan tambahan yang berikut:

- Dalam kes lawatan atau aktiviti yang serupa oleh pegawai atau kakitangan, jemputan bertulis dan jadual perjalanan hendaklah disediakan dan dihantar kepada pegawai kerajaan tersebut untuk membolehkan mereka berunding dan mendapatkan kelulusan daripada ketua mereka dan memberikan mereka pilihan untuk menolak;
- Minuman, makanan dan cenderamata mesti bernilai munasabah dan juga tekal dengan syarat Prosedur ini;
- Makan tengah hari dan makan malam semasa bekerja mestilah bernilai munasabah dan hidangan serta hiburan atas tujuan nama baik mestilah munasabah, tekal dengan amalan perniagaan tempatan dan direkodkan dengan betul selaras dengan pematuhan prosedur pelaporan/pembayaran balik perbelanjaan Kennametal; dan
- Hadiah yang mempamerkan logo Syarikat atau item lain mestilah tidak tinggi nilainya dan diedarkan untuk tujuan promosi atau kenang-kenangan.

Sebarang jenis hadiah atau bayaran tunai tidak dibenarkan walau apa jua keadaannya.

Akhir sekali, kelulusan dalaman Syarikat yang wajar mestilah diperoleh sebelum membuat perbelanjaan sedemikian dan prosedur pelaporan dalaman dan penyimpanan dokumen hendaklah dipatuhi. **Penting untuk diberikan perhatian bahawa tiada nilai minimum yang mewujudkan pengecualian di bawah undang-undang ini, bermakna bahawa perbelanjaan dengan nilai wang yang kecil sekalipun boleh melanggar Undang-undang Anti Rasuah Global.**

Versi elektronik Prosedur ini adalah dokumen terkawal.
Sebarang salinan bercetak dokumen ini adalah untuk RUJUKAN SAHAJA.

PROSEDUR STANDARD

NO. PROSEDUR: KMT-US-OGC-0004

SEMAKAN: 02 HALAMAN: 7 daripada 10

KENNAMETAL INC. PROSEDUR ANTI RASUAH DAN ANTI SOGOKAN GLOBAL

SUBJEK/TAJUK:

IV. PERUNTUKAN PERAKAUNAN

Semua akaun bank dan rekod Kennametal mesti disimpan dalam perincian yang munasabah bagi menggambarkan dengan tepat dan wajar transaksi kewangan luar dan dalam negara. Tiada dana atau akaun tersembunyi atau tidak direkodkan boleh diwujudkan atas apa jua tujuan. Contoh isu penyimpanan rekod yang boleh mengakibatkan pelanggaran Undang-undang Anti Rasuah Global termasuk:

- Rekod yang gagal merekodkan transaksi tidak wajar (misalnya, transaksi tidak direkodkan); dan
- Rekod yang dipalsukan untuk menyembunyikan aspek transaksi tidak wajar tertentu.

Sistem kawalan perakaunan mesti dikekalkan yang menyediakan jaminan munasabah bahawa:

- Transaksi dilaksanakan selaras dengan kebenaran pihak pengurusan;
- Transaksi direkodkan supaya penyata kewangan yang tepat boleh disediakan dan untuk mengekalkan kebertanggungjawaban terhadap aset;
- Akses kepada aset dibenarkan hanya selaras dengan kebenaran pihak pengurusan; dan
- Fungsi audit yang sewajarnya dijalankan.

V. TRANSAKSI DENGAN PIHAK KETIGA

Di bawah keadaan tertentu, Kennametal dan pengarahnya, pegawainya dan kakitangannya boleh dipertanggungjawabkan atas tindakan Pihak Ketiga yang memberikan sesuatu yang bernilai untuk mempengaruhi keputusan dengan cara yang tidak wajar apabila bertindak bagi pihak Syarikat atau berkaitan dengan perwakilannya bagi pihak Syarikat atau produk dan perkhidmatannya.

Versi elektronik Prosedur ini adalah dokumen terkawal.
Sebarang salinan bercetak dokumen ini adalah untuk RUJUKAN SAHAJA.

PROSEDUR STANDARD

NO. PROSEDUR: KMT-US-OGC-0004

SEMAKAN: 02 HALAMAN: 8 daripada 10

KENNAMETAL INC. PROSEDUR ANTI RASUAH DAN ANTI SOGOKAN GLOBAL

SUBJEK/TAJUK:

Atas sebab itu, penting untuk melaksanakan usaha wajar ke atas Pihak Ketiga sedemikian sebelum dan juga semasa penglibatan. Kennametal hendaklah memberi perhatian dan jangan mengabaikan fakta yang menunjukkan kemungkinan bahawa Pihak Ketiga mungkin memberikan sesuatu yang berharga atau turut bertindak secara tidak wajar bagi pihak Syarikat. Bagi meminimumkan risiko, piawaian penilaian yang ketat hendaklah dipertimbangkan sebelum menyertai sebarang hubungan dengan Pihak Ketiga.

Proses usaha wajar Kennametal menghendaki semua Pihak Ketiga mematuhi piawaian berikut dan pegawai Syarikat yang bertanggungjawab memilih Pihak Ketiga tersebut mestilah mengekalkan dokumentasi yang cukup bagi menunjukkan pematuhan terhadap proses tersebut:

- (i) Bereputasi baik - pengalaman dan kepakaran diperlukan;
- (ii) Boleh dipercayai - dapatkan rujukan perniagaan;
- (iii) Kewangan yang stabil - sumber yang mencukupi untuk memenuhi komitmen;
- (iv) Komitmen untuk mematuhi undang-undang - Pihak ketiga bersetuju mematuhi semua undang-undang yang berkaitan dan untuk tidak membuat bayaran yang tidak wajar; dan
- (v) Perakuan - Laksanakan perakuan dan perjanjian untuk mematuhi Prosedur ini.

Sebarang bayaran kepada Pihak Ketiga mestilah tekal dengan jumlah kerja yang dilaksanakan dan bukan berada pada tahap yang boleh mendorong Pihak Ketiga melakukan tindakan yang tidak wajar atau yang boleh mewujudkan tanggapan bahawa tindakan tidak wajar telah berlaku. Bayaran atau peruntukan sesuatu yang bernilai kepada Pihak Ketiga mesti disemak dengan teliti selaras dengan garis panduan di atas sebelum dikeluarkan dan mestilah dirujuk kepada Pejabat Penasihat Am Kennametal jika semakan tersebut menemui sebarang maklumat yang tidak memuaskan atau "amaran".

Selain itu, usaha yang wajar dan munasabah mesti dilakukan untuk mendidik Pihak Ketiga Kennametal tentang syarat-syarat pematuhan di bawah Prosedur ini, serta syarat-syarat penyimpanan rekod. Pegawai Syarikat yang bertanggungjawab memilih Pihak Ketiga dan mengurus hubungan perniagaan turut akan bertanggungjawab memastikan klausa ini dipatuhi.

Versi elektronik Prosedur ini adalah dokumen terkawal.
Sebarang salinan bercetak dokumen ini adalah untuk RUJUKAN SAHAJA.

PROSEDUR STANDARD

NO. PROSEDUR: KMT-US-OGC-0004

SEMAKAN: 02 HALAMAN: 9 daripada 10

KENNAMETAL INC. PROSEDUR ANTI RASUAH DAN ANTI SOGOKAN GLOBAL

SUBJEK/TAJUK:

VI. TANGGUNGJAWAB UNTUK MELAPORKAN

A. Kakitangan: Kakitangan mesti melaporkan dengan segera sebarang pelanggaran undang-undang atau peraturan dilaksanakan yang disyaki atau sebenar (sama ada berdasarkan pengetahuan peribadi atau tidak) kepada Pejabat Penasihat Am Kennametal. Setelah kakitangan membuat laporan, kakitangan tersebut turut bertanggungjawab mengemas kini laporan apabila maklumat baharu diterima oleh beliau. Jangan sekali-kali pelaporan sebarang maklumat sedemikian dijadikan sebagai asas untuk tindakan balas terhadap kakitangan yang membuat laporan tersebut jika kakitangan tersebut telah bertindak dengan niat yang baik.

B. Pihak Ketiga: Semua Pihak Ketiga dikehendaki melaporkan sebarang pelanggaran yang disyaki atau sebenar (sama ada berdasarkan pengetahuan peribadi atau tidak) kepada orang hubungan perniagaan Kennametal atau Pejabat Penasihat Am Kennametal.

C. Pejabat Penasihat Am Kennametal: Untuk tujuan pelaporan, Pejabat Penasihat Am Kennametal boleh dihubungi di:

Office of the General Counsel
1600 Technology Way
Latrobe, PA U.S.A. 15650-0231
Telefon: (724) 539-4031; Faks: (724) 539-3839
E-mel: K-corp.ethics@kennametal.com

Sebagai alternatif, anda boleh menghubungi HELPLINE bebas tol (1-877-781-7319), yang diurus oleh Pejabat Etika & Pematuhan Kennametal dan boleh digunakan atas dasar tanpa nama dan rahsia.

VII. HUKUMAN

Pelanggaran Undang-undang Anti Rasuah Global boleh mengakibatkan Syarikat dan juga individu dikenakan hukuman yang berat. Berikut ialah contoh hukuman yang mungkin dikenakan di bawah FCPA dan Akta Sogokan UK:

Versi elektronik Prosedur ini adalah dokumen terkawal.
Sebarang salinan bercetak dokumen ini adalah untuk RUJUKAN SAHAJA.

PROSEDUR STANDARD

NO. PROSEDUR: KMT-US-OGC-0004

SEMAKAN: 02 HALAMAN: 10 daripada 10

KENNAMETAL INC. PROSEDUR ANTI RASUAH DAN ANTI SOGOKAN GLOBAL

SUBJEK/TAJUK:

FCPA

Syarikat

- Denda sehingga US\$2 juta bagi setiap pelanggaran
- Dilarang mengambil bahagian dalam kontrak kerajaan
- Hilang keistimewaan mengeksport
- Pelantikan pemantau pematuhan bebas
- Peruntukan Perakaunan – Denda sehingga \$2.5 juta bagi setiap pelanggaran

Individu

- Denda sehingga US\$100,000 bagi setiap pelanggaran
- Penjara sehingga 5 tahun bagi setiap pelanggaran
- Peruntukan Perakaunan – Denda sehingga US\$10 juta & penjara 10 tahun

Akta Sogokan UK

Syarikat

- Hukuman kewangan tidak terhad
- Dilarang menyertai kontrak awam
- Prosiding penyitaan aset

Individu

- Hukuman kewangan tidak terhad
- Penjara sehingga 10 tahun

VIII. RUJUKAN KENNAMETAL

- Kod Etika dan Tatakelakuan Perniagaan
- Prosedur Pengurusan Rekod Global
- Prosedur Tidak Bertindak Balas dan Tanggungjawab Pelaporan
- Panduan Konflik Kepentingan
- Panduan Hadiah dan Adab Perniagaan
- Prosedur Kebenaran untuk Perbelanjaan

Versi elektronik Prosedur ini adalah dokumen terkawal.
Sebarang salinan bercetak dokumen ini adalah untuk RUJUKAN SAHAJA.